

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 11 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1432-MQT0931  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah atau program-program jangka masa pendek dari segi '*upskilling*' dan '*reskilling*' untuk pekerja-pekerja di industri pelancongan yang terkesan oleh COVID-19.
  
2. PR-1432-MQT0935  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah perkhidmatan kereta api terus daripada Tumpat, Kelantan melalui Pasir Mas, Tanah Merah seterusnya ke Kuala Lumpur dan sebaliknya dapat beroperasi semula selepas ditiadakan bermula tahun 2014.
  
3. PR-1432-MQT0930  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan inisiatif terkini pihak Kementerian dalam menjaga dan mempertingkatkan kualiti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) supaya standard pengajaran guru-guru di sekolah-sekolah sentiasa berada pada tahap yang cemerlang.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 11 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 18**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09642  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan pekebun kecil menjalankan aktiviti keusahawanan bagi menjana pendapatan selain hasil getah.
  
2. PR-1432-L09931  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah rasional Kementerian meningkatkan harga maksima topeng muka 3 lapis daripada 80 sen sekeping ke RM1.50 sekeping.
  
3. PR-1432-L09362  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menambahkan kemudahan logistik seperti enjin bot, bot *fiber glass* serta kenderaan pacuan empat roda (*pick-up truck*) bagi kegunaan anggota di Balai Bomba Betong untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan memandangkan kawasan di bawah jagaan balai ini begitu luas sehingga ke daerah Lubuk Antu dan daerah Pusa.

4. PR-1432-L09919  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun didalam pusat tahanan 'Henry Gurney' dan tahanan imigresen secara terperinci mengikut lokasi pusat tahanan dan tahanan imigresen serta pecahan kewarganegaraan mereka ; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat untuk menangani isu kanak-kanak dalam tahanan imigresen, termasuk status implementasi projek 'Alternative to Detention' (ATD) yang telah dipersetujui oleh Menteri KPWKM dan Menteri KDN.
5. PR-1432-L09136  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah peruntukan geran kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) bagi tahun ini masih dilaksanakan atau sebaliknya.
6. PR-1432-L09800  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja dalam sektor ekonomi gig tidak ditindas oleh majikan atau syarikat pengendali aplikasi.
7. PR-1432-L08824  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan tindakan melebarkan ataupun membina 'Sky Bridge' di Bukit Paren Binong, Jalan Serian-Tebedu.
8. PR-1432-L09057  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan usaha Kementerian untuk membudayakan gaya hidup hijau (*green lifestyle*) dalam kebiasaan baharu pasca pandemik.

9. PR-1432-L08757  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif oleh pihak Kementerian bagi golongan peniaga yang gagal meneruskan perniagaan akibat COVID-19 dan apakah program mitigasi untuk mengelakkan mereka daripada terputus pendapatan akibat menganggur.
10. PR-1432-L08907  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana *Liberation Tigers of Tamil Ealam* yang tidak wujud lagi sejak tahun 2009 adalah satu ancaman keselamatan negara dan mengapa ia tidak dikeluarkan dari senarai organisasi pengganas di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
11. PR-1432-L09622  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja dalam tempoh Januari hingga Jun 2020 mengikut pecahan negeri serta usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan akibat wabak COVID-19.
12. PR-1432-L09396  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah mencergaskan semula aktiviti sukan dan rekreasi :-
- (a) Malaysia sedang membuat persiapan atlet ke Sukan Olimpik. Bagaimana dengan latihan bakat muda atlet negara; dan
  - (b) kesan pandemik COVID-19 ke atas sukan-sukan bertaraf antarabangsa. Adakah sukan ternama, khususnya Iron Man Langkawi, Langkawi Regatta, Triathlon dan Duathlon akan diteruskan pasca COVID-19.
13. PR-1432-L09036  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status projek pembinaan dan membaik pulih benteng pemecah ombak di Kuala Besut melalui pelaksanaan projek Gerbang Pelancongan Antarabangsa Besut.

14. PR-1432-L09960  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa kempen-kempen antidadah dilihat begitu lesu berbanding usaha Kerajaan pada tahun 1980an yang agresif di media-media mahupun di sekolah-sekolah.
15. PR-1432-L08748  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja terutamanya pekerja tempatan yang diberhentikan atau '*retrenched*' oleh sektor swasta khususnya pekerja industri bagi tempoh 2018, 2019 dan terkini 2020 termasuk semasa pandemik COVID-19 dan nyatakan setakat manakah Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) dapat membantu golongan ini untuk mendapat pekerjaan serta apakah langkah Kerajaan bagi membantu golongan pekerja rakyat negara ini yang terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerjaan ini untuk terus menyara kehidupan mereka dan keluarga.
16. PR-1432-L09852  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masalah yang dihadapi oleh penduduk Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 dan apakah bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan.
17. PR-1432-L09703  
**Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan tahap keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).
18. PR-1432-L09283  
**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan Sarawak Sabah Link Road (SSLR) dan apakah status terkini projek tersebut.
19. PR-1432-L09626  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan yang diambil secara tidak langsung impak negatif COVID-19 terhadap alam sekitar terutama peningkatan penggunaan plastik domestik.

20. PR-1432-L08962  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian lokasi termasuk kos pembekalan 14 Projek Perumahan Rakyat (PPR) baharu yang akan dilaksanakan mulai tahun 2020. Apakah perkembangan proses penjenamaan semula dan model kewangan yang bakal dipraktikkan.
21. PR-1432-L09610  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek yang telah dilaksanakan serta perbelanjaan yang diperuntukkan di bawah RMK-11 (2016-2020) untuk tujuan meningkatkan keselamatan jalan raya dan untuk RMK-12 yang akan datang sejauh manakah Kerajaan bersedia untuk membina laluan khas motosikal untuk lokasi yang terpilih serta membina pembahagi median jalan (*road median divider*) demi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya khususnya untuk kumpulan penunggang motosikal.
22. PR-1432-L09522  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada suspek-suspek pencemaran Sg. Kim Kim telah didakwa di mahkamah dan apakah status pendakwaan terkini serta status kalibrasi *real-time alert system* untuk memberi amaran pencemaran awal di Pasir Gudang.
23. PR-1432-L09485  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuka semula Zon Aliran Bebas (*Free Flow*) sejauh 2 kilometer di sempadan Malaysia - Thailand di Wang Kelian selepas PKPP (COVID-19) bagi merancakkan semula perkembangan perdagangan di kawasan tersebut.
24. PR-1432-L08891  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah program dan perancangan khusus Kementerian untuk membantu penjana pendapatan dan membantu golongan miskin dan miskin tegar memandangkan Lubok Antu adalah satu daripada 10 daerah termiskin di Malaysia.

25. PR-1432-L09949  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa langkah-langkah yang akan diambil untuk menutup Menumbok '*Loophole*' bagi mencegah warga bukan Sabah daripada masuk ke negeri Sabah tanpa pemeriksaan/pemantauan pihak Jabatan Imigresen di bawah Kerajaan Persekutuan dan sama ada akan diwujudkan Kaunter Imigresen di Menumbok dan '*Entry Visa*' akan diperkenalkan untuk warga bukan Sabah yang memasuki Sabah melalui Labuan.
26. PR-1432-L10032  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kedudukan siasatan berhubung kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim pada tahun 2018.
27. PR-1432-L09638  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat membina sebuah Pusat Rehabilitasi PERKESO di negeri Kedah untuk kemudahan pekerja di kawasan utara Semenanjung mendapatkan rawatan pemulihan supaya dapat kembali ke alam pekerjaan.
28. PR-1432-L09728  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu program elaun bulanan yang memberikan manfaat kepada pencari kerja baharu khususnya dalam kalangan belia sebagaimana dilaksanakan di Australia.
29. PR-1432-L08917  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selepas pengumuman pada tahun lepas perancangan untuk menaik taraf beberapa pusat pelupusan sampah kepada *Waste-To-Energy (WTE)*, berapa tapak pelupusan yang sedang dalam proses menaik taraf kepada WTE.
30. PR-1432-L08778  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan kewarganegaraan dan sijil kelahiran mengikut kaum yang diterima bagi tahun 2019 dan berapa permohonan yang telah diluluskan sehingga kini.

31. PR-1432-L09863  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
- (a) bilakah projek Jambatan Kg. Joh Belimbing, Machang ke Tanah Merah yang merentasi Sungai Kelantan akan dilaksanakan ; dan
  - (b) bilakah jalan daripada Kampung Sat ke Kampung Maka akan dilaksanakan.
32. PR-1432-L09939  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan dokumen IMM13 sebagai satu-satunya dokumen untuk penyelarasan dokumen-dokumen pendatang asing tanpa izin di Sabah dan membatalkan semua dokumen yang lain. Apakah perbezaannya dengan Pas Sementara Sabah (PSS) yang dicadangkan sebelum ini.
33. PR-1432-L09669  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf mini Stadium Pasir Mas sebagai satu lokasi alternatif untuk persediaan penganjuran SUKMA 2024 bertempat di negeri Kelantan.
34. PR-1432-L09337  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah menambahkan aset untuk Zon Maritim di Tanjong Manis supaya kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencerobohan oleh nelayan asing dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.
35. PR-1432-L09408  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kes sindiket penjualan kad pengenalan palsu yang telah berjaya dibanteras sepanjang tahun 2019 ; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menukar kad pengenalan baru dengan ciri keselamatan khas bagi membanteras sindiket penjualan kad pengenalan .

36. PR-1432-L09519  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk merunding semula perjanjian konsesi dengan Pakar Scieno TW untuk *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) yang bernilai RM846 juta dan sekiranya ya, nyatakan penambahbaikan tersebut.
37. PR-1432-L09350  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) sebab pelaksanaan semula Program Belajar Sambil Bekerja (*Train and Place Programme*) oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) sedangkan program tersebut telah terbukti gagal dari tahun 2016 hingga 2018; dan
  - (b) langkah-langkah efektif untuk memastikan kesilapan serupa tidak akan berulang lagi serta langkah-langkah khusus untuk memastikan latihannya relevan dan memberi kesan besar kepada industri berkenaan.
38. PR-1432-L08956  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab pihak polis gagal untuk mematuhi perintah Mahkamah Persekutuan untuk menahan bekas suami M. Indira Gandhi, Muhammad Riduan Abdullah yang telah melarikan diri bersama anak perempuan, Prasana Diksa pada tahun 2009.
39. PR-1432-L09794  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes penyiasatan kematian anggota bomba Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.
40. PR-1432-L08722  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada perancangan untuk membina jalan-jalan di Jalan Tegulang, Belaga, Jalan Metalun, Belaga, Jalan Rumah Juntan dan Jalan Ng. Gaat ke Rumah Tunku, Sg. Gaat.

41. PR-1432-L08935  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah ibu yang berwarganegara Malaysia menghadapi cabaran dan diskriminasi terhadap permohonan kewarganegaraan anak mereka yang dilahirkan di luar negara.
42. PR-1432-L09238  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan dengan terperinci status projek pembinaan Loji Bilut dan Loji Sementara daripada peruntukan pinjaman Kerajaan Pusat RM18 juta kepada negeri Pahang (*Progress, Milestone, Critical Part dan Time Frame*).
43. PR-1432-L09484  
**Tuan Awang Husaini bin Sahari [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan anggota polis ketika ini yang mana nisbah antarabangsa memerlukan seorang anggota Polis bersamaan 350 ke 450 orang.
44. PR-1432-L09204  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan anak muda yang terus meningkat, berdasarkan data kadar pengangguran yang telah melonjak kepada 5 peratus pada April lalu ekoran krisis COVID-19.
45. PR-1432-L08899  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan diluar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warganegara asing dan berapa jumlah permohonan sebegini yang telah diterima, diluluskan dan ditolak sejak tahun 2015.
46. PR-1432-L09309  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah-kaedah yang berbeza dan yang telah dikenal pasti untuk memastikan bahawa inisiatif '*Place and Train*' ini membuahkan kejayaan sedangkan KWPSM telah melancarkan inisiatif yang serupa seperti '*Place and Train*' sebelum PRU14 yang dikenali sebagai '*Train and Place*', tetapi terbukti tidak berjaya setelah berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh Kerajaan.

47. PR-1432-L10046  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 31,092 unit rumah tidak terjual pada suku tahun ketiga 2019 dan 16.5% atau 5,126 unit adalah dari negeri Perak. Merujuk kepada statistik tersebut, diminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengulas sekiranya Kementerian ada usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah perumahan yang tidak terjual di Negeri Perak.
48. PR-1432-L08971  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Ibu Pejabat Polis Daerah Daro (IPD) yang baru memandangkan IPD yang ada sekarang ini sudah terlalu lama dan daif serta tidak mencukupi untuk menempatkan pegawai sedia ada.
49. PR-1432-L08918  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit rumah mampu milik telah dilancarkan selepas penandatanganan MOU dengan 6 buah syarikat untuk berusaha sama dalam projek merealisasikan 1 juta rumah dalam 10 tahun.
50. PR-1432-L09674  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, seorang anggota bomba yang terkorban ketika menjalankan tugas pada tahun 2018.
51. PR-1432-L08894  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan kerangka perundangan atau pentadbiran bagi menangani isu kebanjiran pekerja warga asing yang masuk ke dalam negara.
52. PR-1432-L08933  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan dapat membantu pekebun-pekebun kecil bagi membentuk kumpulan ekonomi yang memberi impak besar kepada pembangunan negara.

53. PR-1432-L09940  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah wanita mengikut etnik, umur dan negeri yang telah berdaftar perniagaan dengan SSM, jenis perniagaan, bilangan yang mendapat pinjaman mikro-kredit dan sumber pinjaman, perniagaan yang dorman dan aktif serta senaraikan semua bantuan kewangan, geran dan sokongan bagi golongan wanita dan ibu tunggal untuk menjana pendapatan mereka selepas COVID-19. Adakah Kerajaan akan menerapkan polisi '*gender inclusiveness*' yang digunakan oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang dan '*gender responsive budgeting*' dalam perangkaan polisi dan belanjawan bagi golongan wanita.
54. PR-1432-L09826  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan baru akan meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) serta memansuh atau meminda Akta Hasutan 1948.
55. PR-1432-L09416  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai jumlah lesen arak kelas runcit di seluruh negara mengikut pecahan PBT dan negeri.
56. PR-1432-L09127  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah segera untuk mengatasi isu kekurangan pekerja asing bagi banyak sektor industri yang berada pada tahap kritikal. Berapakah bilangan pekerja asing tanpa izin telah hantar pulang ke negara asal mereka sejak bermulanya penularan wabak COVID-19 serta kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R. 1/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

2. ( D.R 2/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
 (Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**  
 Perbelanjaan) 2020

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

"DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amalan yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 3. | ( DR.4/2020 )   | Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 4. | ( DR.3/2020 )   | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>   |                               |
| 5. | ( D.R 37/2019 ) | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019   | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kesihatan ]</b>  |                               |
| 6. | ( D.R 42/2019 ) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019  | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |

7. ( D.R. 25/2019 )Rang Undang-Undang Suruhanjaya **Bacaan Kali**  
Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 **Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

9. PR-1432-UL064

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

10. PR-1432-U(27)116

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1432-U(27)114

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

12. PR-1432-U(27)115

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

13. PR-1432-U(27)119

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1432-U(27)120

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

15. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

17. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

18. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

19. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

20. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

21. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

25. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
26. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
27. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1432-U(27)133

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1432-U(27)134

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 11.08.2020 (Selasa)	1. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	1. Kemelut Dalam Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF)	1. YB Menteri Belia Dan Sukan
2. 11.08.2020 (Selasa)	2. YB Puan Teo Nie Ching (Kulai)	2. Permit Kemasukan Dari Singapura Bagi Isteri Bukan Warganegara	2. YB Menteri Dalam Negeri

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**